

Hubungan Antara Kompetensi Pensyarah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Nooraini Binti Othman & Khairul Anuar Bin Abdul Rahman

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menentukan elemen-elemen kompetensi pensyarah iaitu asertif, suara, penggunaan audio-visual dan pelaksanaan aktiviti oleh pensyarah dan mengkaji hubungan antara kompetensi pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 43 responden yang terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (kejuruteraan awam, elektrik dan mekanikal), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dengan menggunakan persampelan tidak rawak jenis bertujuan. . Rekabentuk kajian adalah menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan statistik deskriptif perbandingan min. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan periaian komputer, *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 12.0. Dapatan kajian menunjukkan pelajar bersetuju bahawa asertif, suara, penggunaan audio-visual dan pelaksanaan aktiviti oleh pensyarah merupakan faktor kepada kompetensi pensyarah. Kajian juga mendapati tiada hubungan yang signifikan antara kompetensi pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar. Ini menunjukkan walaupun pelajar bersetuju keempat-empat elemen ini merupakan faktor kompetensi pensyarah, tetapi pencapaian akademik mereka tiada kaitan dengan faktor kompetensi pensyarah. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mempersiapkan diri supaya menjadi seorang pendidik yang dinamik.

Katakunci : kompetensi pensyarah, pencapaian akademik pelajar

Pendahuluan

Dalam negara menuju arus pemodenan, beberapa usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi merealisasikan impian kearah wawasan 2020. Matlamat yang telah di sarankan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke empat iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang kini diteruskan oleh Perdana Menteri Malaysia sekarang iaitu Datuk Seri Abdullah bin Badawi. Pembangunan modal insan yang cuba dibangunkan oleh kerajaan bukan sahaja tertumpu pada para pekerja, malah pembangunan ini harus bermula pada akar umbi iaitu kepada para pelajar. Pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan landasan yang terbaik yang harus digunakan sebaik mungkin agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berwibawa yang akan membentuk mereka menjadi tenaga mahir dalam pelbagai bidang pada masa akan datang yang dapat membantu menjana ekonomi negara secara keseluruhannya.

Untuk melahirkan modal insan yang dinamik dan mampu berdaya saing, perancangan yang lebih teliti harus dilakukan. Disamping melibatkan pelbagai pihak sama ada kerajaan ataupun swasta serta badan-badan bukan kerajaan yang lain, maka banyak institusi- institusi pendidikan ditubuhkan di Malaysia ini adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran dan sikap yang terpuji. Pelajar-pelajar ini akan mampu menyumbangkan kepada tenaga kerja yang mampu berdaya saing, sentiasa membuat penambahbaikan dan menerokai ilmu-ilmu baru. Maka di sinilah peranan yang harus di mainkan oleh institusi-institusi pendidikan dalam merangka pembelajaran yang berkesan supaya dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran.

Pengajaran merupakan aktiviti yang dirancang bagi meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan keupayaan ataupun mengubah sikap seseorang agar dapat meningkatkan lagi

penguasaan dalam sesuatu bidang. Namun begitu tidak semua sesi pembelajaran itu berkesan kepada semua pelajar yang terlibat. Tetapi sekiranya pembelajaran itu dapat menambahkan penguasaan pelajar, maka pembelajaran itu di anggap berkesan kepada pelajar. Skinner (1968) menyatakan, pembelajaran adalah proses yang merujuk kepada perolehan sesuatu lengkungan. Pengajar bersikap aktif sebagai penyampai dengan berkongsi pengalaman dalam penyampaian dan pelajar sebagai penerima. Pelajar yang bertenaga berpegang kepada struktur fakta dan idea. Sekiranya mereka kurang aktif, pengajar perlu menekankan fakta kepada mereka atau menyalurkan idea kepada mereka atau memupuk rasa suasana yang baik dan suka kepada pembelajaran.

Pengajaran yang berkesan seharusnya dapat membantu melahirkan pelajar dan seterusnya tenaga kerja yang berkualiti. Ianya bukan sahaja tertumpu kepada masa depan pelajar dan negara, ia juga dapat di aplikasikan dalam kehidupan seharian serta boleh memberi sumbangan kepada sosiologi masyarakat setempat.

Pernyataan Masalah

Kajian ini mengkaji kompetensi pensyarah terhadap pencapaian akademik pelajar. Hubungan antara kompetensi pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kemahiran interpersonal pensyarah, penyampaian pensyarah dan persediaan pensyarah. Rowland dan Birkett (1992) berpendapat, profession sebagai seorang pensyarah melibatkan banyak bentuk komunikasi dalam pelbagai perbezaan terhadap jenis hubungan interpersonal. Pensyarah yang berkemampuan untuk membina kemahiran interpersonal yang berkesan akan mempunyai peluang yang baik dalam mengekalkan kepuasan kerja dalam apa jua perubahan keadaan dan pergolakan yang berlaku. Untuk menjadi seorang pensyarah yang berjaya kita perlu memahami bagaimana hendak berkomunikasi dengan baik, bagaimana hendak mengadaptasi dan memahami orang disekeliling, bagaimana hendak menghubungkan ini dengan kehendak diri dan semestinya untuk meningkatkan kerjaya untuk kepuasan diri. Dengan erti kata lain keberkesanan diri adalah kunci untuk berjaya.

Dalam penyampaian pengajaran, kompetensi pengajar saling behubung kait dengan suasana pembelajaran. Pengajar yang begitu kompeten dalam pengajaran akan mendapat apa yang di inginkan. Jelas disini menunjukkan, kompetensi pengajar berhubungkait dengan pencapaian pelajar. Pengajar seharusnya menjiwai apa yang disampaikan agar pelajar dapat apa yang disampaikan. Henley (2006) menyatakan, dalam pengurusan kelas yang berkesan, pendidik perlu mengambil kira dua perkara iaitu : emosi dan fizikal peribadi. Dalam mengurus sikap curiga, pendidik seharusnya mengawal emosi. Dalam erti kata lain pendidik memerlukan kebijaksanaan emosi supaya berkebolehan menghadapi tekanan, memberi tindak balas yang baik dan memilih tindak balas yang bersebab.

Di samping itu, pengajaran yang berkesan memerlukan pendidik yang kompeten untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran baru kepada pelajar. Melalui pandangan Khine (2004), pendidik yang kompeten mempunyai pendekatan dalam mewujudkan pengajaran berkesan seperti kemahiran berikut : pendidik merancang dengan jelas matlamat yang ingin di capai, membina tahap pemikiran yang berbeza, memilih bahan yang sesuai dengan arahan, melaksanakan arahan yang bersistematik, menarik minat pelajar, memulakan dan menutup pengajaran dengan baik, menggunakan teknologi dalam penyampaian maklumat untuk mewujudkan persekitaran yang ceria, menekankan konsep, memberi tindakbalas yang baik, mengurus sikap pelajar, mengawal pemahaman pelajar dan mengurus masa.

Seorang pendidik yang kompeten perlu mempunyai pengalaman yang luas dan banyak dalam sesuatu bidang dan telah berkhidmat dalam satu tempoh yang agak lama. Khine (2004) berpendapat, pendidik yang berkesan seharusnya merangka pengetahuan baru berdasarkan pengalaman lepas. Secara keseluruhannya, mereka mendedahkan pelajar kepada pemikiran yang luas dan tinggi seperti perbandingan, hubungkait secara berperingkat, melihat pada perspektif yang berbeza, mengaplikasi konsep dalam kehidupan seharian, membuat kesimpulan, menjana idea, membuat penilaian terhadap isu-isu semasa dan mengenalpasti maklumat dengan tepat.

Sebagai pengajar sekiranya mereka mengamalkan perkara-perkara di atas maka sesi pembelajaran yang dilakukan tidak akan berkesan, maka ianya akan menyebabkan pelajar tidak dapat menimba pengetahuan dan kemahiran baru. Ini akan menjejaskan prestasi pelajar-pelajar apabila penilaian dilakukan ke atas pelajar dan ianya menunjukkan pengajaran tidak berkesan yang berlaku di institusi pendidikan dan akan menjejaskan saranan kerajaan untuk melahirkan modal insan yang dinamik.

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen dalam kemahiran interpersonal pensyarah dan elemen-elemen dalam kemahiran syarahan pensyarah. Selain itu kajian ini juga untuk mengenalpasti hubungan antara kemahiran interpersonal pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar dan mengenalpasti hubungan antara kemahiran syarahan pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang berguna kepada bakal-bakal pensyarah agar dapat merancang pengajaran yang lebih efektif kepada pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Untuk mengenalpasti elemen-elemen dalam kemahiran interpersonal pensyarah.
2. Untuk mengenalpasti elemen-elemen dalam kemahiran syarahan pensyarah.
3. Untuk mengenalpasti hubungan antara kemahiran interpersonal pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar.
4. Untuk mengenalpasti hubungan antara kemahiran syarahan pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan dibawah jabatan pendidikan teknik dan kejuruteraan (JPTK), Universiti Teknologi Malaysia. Responden terdiri daripada pelajar tahun empat. Kursus-kursus yang sedang diikuti adalah kursus sarjana muda teknologi kejuruteraan elektrik serta pendidikan, kursus sarjana muda teknologi kejuruteraan awam serta pendidikan dan kursus sarjana muda teknologi kejuruteraan mekanikal serta pendidikan. Kajian ini hanya memfokus kepada hubungan kompetensi pensyarah terhadap pencapaian pelajar. Kompetensi pensyarah yang diukur ialah berdasarkan kepada kemahiran interpersonal pensyarah dan kemahiran syarahan pensyarah. Manakala tahap pencapaian akademik pelajar berdasarkan kepada CGPA (*Cumulative Gred Point Average*).

Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, ia dapat memberikan maklumat kepada bakal-bakal pensyarah dan pensyarah yang sedang berkhidmat di UTM supaya dapat mempertingkatkan lagi mutu pengajaran yang diberikan kepada pelajar disamping menyediakan pembelajaran yang berkesan.

UTM juga akan dapat mengambil langkah menyediakan pensyarah-pensyarah yang benar-benar kompeten untuk mengendalikan sesi pembelajaran.

Bagi pensyarah-pensyarah pula, kajian ini dapat membantu mereka supaya lebih bersedia dan dapat memantapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan bagi memudahkan mereka menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Seterusnya akan memberi kesan kepada pelajar setelah mengikuti sesi pembelajaran.

Kajian ini juga akan menjadi panduan kepada pelajar-pelajar untuk mempersiapkan diri sebelum sesi pengajaran bermula. Pelajar juga akan terdedah dengan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pensyarah. Pelajar juga harus menyesuaikan diri dengan pendekatan yang digunakan oleh pensyarah supaya berlakunya interaksi dua hala dan seterusnya berlakunya pembelajaran berkesan.

Kajian ini juga dapat menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk mendapatkan maklumat berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pembelajaran terutamanya melibatkan kompetensi yang perlu ada pada seorang pendidik.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah bentuk deskriptif yang mengkaji hubungan antara kompetensi pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar. Dimensi kompetensi yang dikaji ialah kemahiran interpersonal pensyarah yang terdiri daripada asertif pensyarah dan suara pensyarah. Seterusnya kompetensi yang dikaji ialah kemahiran syarahan pensyarah yang melibatkan penggunaan audio-visual dalam pembelajaran dan aktiviti yang dilakukan dalam sesi pembelajaran.

Bagi pencapaian akademik pelajar pula, dimensi yang dikaji ialah CGPA (*Cumulative Gred Point Average*).

Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Sampel kajian ini hanya kepada pelajar tahun empat Jabatan Teknik dan Kejuruteraan (JPTK), Fakulti Pendidikan yang terdiri daripada kursus sarjana muda kejuruteraan elektrik, awam dan mekanikal serta pendidikan.

Sampel dipilih secara tidak rawak bertujuan iaitu terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir yang mengikuti kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik), Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam) dan Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal). Kajian ini akan melibatkan seramai 43 responden.

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden ialah melalui borang soal selidik. Sebelum soalan kajian diberikan kepada responden, sedikit penerangan telah disampaikan oleh pengkaji untuk menjelaskan serba sedikit tentang kajian yang dilakukan. Pengkaji juga telah memberi tempoh masa selama 15 minit kepada responden untuk melengkapkan dan menjawab borang soal selidik yang diberikan.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk borang soal selidik. Penggunaan borang soal selidik membolehkan pengkaji memperolehi maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit. Di samping itu, ia merupakan instrumen yang ringkas dan mudah ditadbir. Cadangan jawapan yang dikemukakan akan memudahkan responden menjawab soalan dengan cepat.

Terdapat dua bahagian dalam borang soal selidik iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada 9 soalan yang mana setiap satu soalan dibina oleh pengkaji sendiri. Soalan-soalan ini untuk mengetahui latar belakang responden.

Responden diminta memberikan respon yang tepat terhadap soalan yang diberikan dengan menandakan mengikut kesesuaian.

Pada bahagian B pula pengkaji membina 24 soalan. Setiap soalan adalah berdasarkan kepada persoalan kajian iaitu asertif pensyarah, suara pensyarah dalam syarahan, penggunaan audio-visual dan pembawakan aktiviti oleh pensyarah.

Responden diminta memberikan respon terhadap setiap item berdasarkan skala Likert lima mata iaitu:

1= sangat tidak setuju

2= tidak setuju

3= kurang setuju

4= setuju

5= sangat setuju

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan pada bulan Disember dan Januari, satu kajian rintis telah dijalankan untuk mendapat kesahan dan kebolehpercayaan bagi setiap item dalam soal selidik. Borang reaksi bagi kompetensi pensyarah diedarkan kepada 10 orang pelajar tahun akhir yang mengikuti kursus sarjana muda kejuruteraan awam, elektrik dan mekanikal serta pendidikan. Kajian rintis bagi borang reaksi ini dilakukan untuk melihat tahap kebolehpercayaan bagi setiap item. Nilai Alpha Cronbach yang diperolehi daripada kajian rintis ini ialah 8.9.

Hubungan Antara Kompetensi Pensyarah Terhadap Asertif Pensyarah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar (CGPA)

Hubungan Pemboleh Ubah	Nilai Kolerasi r	Aras Signifikan P	Jumlah Responden N
Asertif Pensyarah Dengan CGPA	0.41	0.397	43

Kolerasi signifikan pada aras 0.05* (1hujung)

Jadual 1 : Hubungan antara Asertif Pensyarah dengan CGPA Pelajar

Jadual 1 menunjukkan hubungan asertif pensyarah dengan CGPA pelajar. Untuk mencari hubungan tersebut, paras signifikan $\alpha = 5$ peratus atau 0.05 telah dipilih. Nilai korelasi yang diperolehi adalah $r = 0.41$. Ini menunjukkan satu hubungan positif yang sederhana wujud di antara asertif pensyarah dengan CGPA pelajar.

Nilai kesignifikanan $p = 0.397$ dan ini adalah lebih besar dari nilai α (0.05). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara asertif pensyarah dengan CGPA pelajar. Dengan ini, hipotesis nol1 iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya hidup dengan CGPA pelajar diterima.

Hubungan Antara Kompetensi Pensyarah Terhadap Suara Pensyarah Dalam Syarahan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar (CGPA)

Hubungan Pemboleh Ubah	Nilai Kolerasi r	Aras Signifikan P	Jumlah Responden N
Suara Pensyarah Dengan CGPA	-0.132	0.200	43

Kolerasi signifikan pada aras 0.05* (1hujung)

Jadual 2 : Hubungan antara Suara Pensyarah dengan CGPA Pelajar.

Jadual 2 menunjukkan hubungan Suara Pensyarah dalam syarahan dengan CGPA pelajar. Untuk mencari hubungan tersebut, paras signifikan $\alpha=5$ peratus atau 0.05 telah dipilih. Nilai korelasi yang diperolehi adalah $r=-0.132$. Ini menunjukkan satu hubungan negatif yang lemah wujud di antara suara pensyarah dengan CGPA pelajar.

Nilai kesignifikanan $p = 0.200$ dan ini adalah lebih besar dari nilai α (0.05). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara suara pensyarah dengan CGPA pelajar. Dengan ini, hipotesis nol 2 iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara suara pensyarah dengan CGPA pelajar adalah diterima.

Hubungan Antara Kompetensi Pensyarah Terhadap Penggunaan Audio-Visual Oleh Pensyarah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar (CGPA)

Hubungan Pemboleh Ubah	Nilai Kolerasi r	Aras Signifikan P	Jumlah Responden N
Penggunaan Audio-Visual Dengan CGPA	-0.220	0.078	43

Kolerasi signifikan pada aras 0.05* (1hujung)

Jadual 3 : Hubungan antara Penggunaan Audio-Visual oleh Pensyarah dengan CGPA Pelajar

Jadual 3 menunjukkan hubungan antara penggunaan audio-visual dengan CGPA pelajar. Untuk mencari hubungan tersebut, paras signifikan $\alpha = 5$ peratus atau 0.05 telah dipilih. Nilai kolerasi yang diperolehi adalah $r = -0.220$. Ini menunjukkan satu hubungan negatif yang sangat lemah wujud di antara penggunaan audio-visual oleh pensyarah didalam pengajaran dan pembelajaran dengan CGPA pelajar.

Nilai kesignifikanan $p = 0.078$ dan ini adalah lebih besar dari nilai α (0.05). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan antara penggunaan audio-visual oleh pensyarah dengan CGPA pelajar. Dengan ini, hipotesis nol 3 iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan audio-visual oleh pensyarah dengan CGPA pelajar adalah diterima.

Hubungan Antara Kompetensi Pensyarah Terhadap Aktiviti Pensyarah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar (CGPA)

Jadual 4 menunjukkan hubungan antara aktiviti pensyarah dengan CGPA pelajar. Untuk mencari hubungan tersebut, paras signifikan $\alpha=5$ peratus atau 0.05 telah dipilih. Nilai kolerasi yang diperolehi adalah $r=-0.278$. Ini menunjukkan wujudnya satu hubungan negatif yang sangat lemah wujud di antara aktiviti pensyarah dengan CGPA pelajar.

Hubungan Pemboleh Ubah	Nilai Kolerasi r	Aras Signifikan P	Jumlah Responden N
Aktiviti Pensyarah Dengan CGPA	-0.278*	0.036	43

Kolerasi signifikan pada aras 0.05* (1hujung)

Jadual 4 : Hubungan Aktiviti Pensyarah dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Nilai kesignifikan $p=0.036$ dan ini adalah lebih kecil dari nilai α (0.05). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara aktiviti pensyarah dengan CGPA pelajar. Oleh yang demikian, hipotesis nol 4 yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aktiviti pensyarah dengan CGPA pelajar ditolak.

Perbincangan

Berdasarkan daripada penganalisaan terhadap aspek ini, didapati 24 item soalan yang dikemukakan dapat memberikan gambaran sebenar adakah faktor kompetensi pensyarah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Aspek-aspek tersebut meliputi asertif pensyarah, suara pensyarah, penggunaan audio-visual dan aktiviti pensyarah di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Sikap asertif perlu ada pada setiap pendidik. Pendidik yang bersikap asertif menggambarkan kecenderungsannya untuk menjalankan tugas dengan berkesan. Apabila seseorang itu asertif dalam setiap kerjanya terutamanya seorang pendidik, pendidik itu dikatakan seorang pendidik yang berkebolehan dan berwibawa. Apabila seseorang pendidik itu bersikap asertif, pembelajaran yang berkesan akan berlaku dan secara tidak langsung menyumbangkan kepada pencapaian akademik para pelajar. Menurut Jensen dan Kiley (2005), guru berkesan akan berusaha dengan sedaya upaya meraka berinteraksi dengan baik dan memperbaiki kepimpinan mereka untuk menentukan kehendak pelajarinya.

Dalam memberi syarahan, seseorang pensyarah haruslah mempunyai suara yang baik. Suara yang baik bukanlah semata-mata kuat, tetapi suara yang baik adalah suara yang jelas. Syarahan itu dikatakan baik jika penyampainya menggunakan intonasi suara yang baik dan dapat menarik perhatian sesiapa sahaja yang mendengarnya. Selain itu, intonansi suara perlulah konsisten dan kuat semasa menyampaikan syarahan. Faktor suara juga berperanan dalam mempengaruhi keberkesanan sesuatu syarahan. Apabila sesuatu syarahan itu dapat disampaikan dengan baik dan jelas, secara tidak langsung syarahan atau penyampaian itu boleh dianggap berjaya. Penyampaian yang baik akan diterima dengan mudah oleh pendengar dan objektif syarahan atau penyampaian juga akan tercapai.

Dalam memastikan pelajar mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, pensyarah juga memainkan peranan dalam merancang aktiviti-aktiviti yang memberi kesan kepada para pelajar. Jensen dan Kiley berkata (2005), guru bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pengawasan pengajian pelajarinya dan memikirkan secara sistematik tentang amalan mereka dan belajar daripada pengalaman. Untuk menjadi seorang pensyarah yang baik bukanlah mudah seperti yang disangkakan. Namun dengan pengalaman-pengalaman yang ada pensyarah boleh merancang untuk memperbaiki pengajarannya supaya objektif pengajaran dapat dicapai dan boleh melibatkan pelajar turut serata dalam pengajaran dan pembelajaran dengan melakukan pelbagai aktiviti. Rallis (1995) menyatakan, guru dinamik ialah guru yang sentiasa berusaha memperbaiki pengajarannya dan bersikap kreatif dalam memastikan pelajar-pelajar mereka membina kefahaman yang berguna bagi dunia mereka.

Namun begitu, dapatan yang diperoleh oleh Siti Hadijah Atan (2004) dalam kajian yang telah dibuat menyatakan walaupun terdapat hubungan yang signifikan tetapi perkaitannya adalah rendah antara keupayaan pensyarah dan kefahaman pelajar terhadap pembelajaran. Selain itu, menurut Yap Ming Hui (1994), tahap kefahaman pelajar tidak begitu bergantung kepada tahap kecekapan pengajar.

Dapatan kajian ini menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi pensyarah dengan pencapaian akademik pelajar. Ini memberi gambaran bahawa pencapaian akademik pelajar tidak bergantung kepada kompetensi pensyarah. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan elemen asertif pensyarah merupakan elemen yang terpenting dalam pengukuran kompetensi pensyarah. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati kemahiran interpersonal pensyarah adalah tinggi berbanding kemahiran syarahan pensyarah dalam menentukan kompetensi pensyarah.

Rujukan

- Anderson, L.W. (1989). *The Effective Teacher*. United States of America. McGraw- Hill.
- Ashaari, (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long, (1982). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penerbit UTM.
- Barbazette, J. (2005). *The Trainer's Journey To Competence*. Pfeiffer, San Francisco.
- Bates, A.W. and Poole, G. (2003). *Effective Teaching with Technology in Higher Education*. United States of America. John Wiley & Sons, Inc.
- Dunwell, R.R. (1976). *Foundation of Teaching and Learning*. Unites States of America. Praeger Publishers, Inc.
- Guiford, J.P dan Fruchter B.(1978), *Fundamental Statistic in Psychology and Education*, New York. Mc Graw Hill
- Henley, M. (2006). *Classroom Management, A Proactive Approach*. New Jersey. Pearson Education, Inc.
- Hill, W.F. (1963). *Learning A survey of Psychological Interpretations*. Northwestern University Illinois. Methuen & CO LTD.
- Hoffmann, Terrence. (1999). *The Meanings Of Competency*. Vol. 23 No. 6 Pp. 275-286
- Ishak Haron dan Koh Boh Boon. (1982). *Asas- Asas Pendidikan Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Jensen, R.A and Kiley, T.J. (2005). *Teaching, Leading and Learning*. Argosy University and Western Illinois University. Houghton Mifflin Company.
- Journal Of European Industrial Training. (1983). *Key Aspects Of Trainer Effectiveness*. Vol. 2, Issue 2, 27-38.
- Kamarudin Hj Husin, Kamal Azhar, (1986). *Asas Pendidikan 3*. Kuala Lumpur. Longman Malaysia.
- Khine, M.S. (2004). *Teaching and Classroom Management*. Singapore. Prentice Hall.
- Mohd Salleh Lebar, (2000). *Pentadbiran Pendidikan Dalam Pendidikan Di Malaysia*. Petaling Jaya : Andison Wesley Logman Malaysia Sdn Bhd.
- Mok Soon sang, (1992). *Pedagogi 2 – Strategik Pengajaran Pembelajaran Mikro, Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*. Kuala Lumpur. Venton Publishing.
- Norhashim Abu Samah, Mazenah Youp, Rose Alinda Alias, (1996). *Pengajaran Bantuan Komputer*. Penerbit Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penerbitan UTM.

- Ornstein, A.C. (1990). *Strategies for Effective Teaching*. Loyola University of Chicago. Brown and Benchmark Publishers.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, (2001). *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Robotham, D. (2004). *Developing The Competent Learner*. Vol. 36, No. 2, Pp 66-72
- Rowland, V. and Birkett, K. (1992). *Personal Effective For Teacher*. Great Britain. Simon and Schuster Education.
- Scott, H.J. (1999). *Teaching Method For Today's School*. London. Allyn & Bacon
- Siti Hadijah Atan. (2004). *Hubungan Antara Keupayaan Jurulatih Dengan Kefahaman Pelatih Terhadap Pembelajaran Bagi Program "Bina Insan Warga Industri" Di Syarikat Excel Training & Consultancy (M) Sdn. Bhd.* UTM, Tesis Ijazah Sarjana.
- Wilson, Henry C. (2000). *Emergency Response Preparedness: small group training Part-2, Training Method Compared with learning styles*. Vol.9 No.3 pp180-199
- Yap Ming Hui. (1994). *Hubungan Antara Kecekapan Pengajar Dengan Tahap Kefahaman Peserta Untuk Program Latihan "The 7 Habit Of Highly Effective People" Di Petronas Management Training Sdn. Bhd. Bangi.* UTM. Tesis Ijazah Sarjana.